



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada **kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan 'Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia' (CIDB) serta **Sijil Taraf Bumiputera** oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** berkaitan yang masih sah membuat tawaran bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GRED KATEGORI & PENGKHUSUSAN	HARGA DOKUMEN
1	MENYELENGGARA DAN MEMBAIK PULIH ROAD MARKING DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAWASAN BANDAR DAN SEKITARNYA, KUALA TERENGGANU, MB KUALA TERENGGANU (MBKT SH 21/2026)	Gred : G1 Kategori : CE Pengkhususan : CE 42	RM20.00

2. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Menara MBKT, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**
3. Naskah Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga yang membawa **Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor** beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Sebutharga. **Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen Sebutharga.**
4. Dokumen Sebut harga akan dijual mulai pada hari **ISNIN 2 MAC 2026** hingga **SELASA 10 MAC 2026** yang boleh dibuat secara Wang Tunai / Deraf Bank yang dibuat atas nama:

"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"

5. **Sebut harga ini akan ditutup pada hari RABU 11 MAC 2026** . Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan **"Tajuk"** dan **"No. Sebut Harga"** berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan di Tingkat 18 , Menara MBKT, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tawaran .
6. Syarikat WAJIB mengemukakan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia semasa menghantar Dokumen Sebut Harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.
8. Penyebut harga yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

(HAJI LIZAN BIN CHE MAT)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu